

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024
 AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 6

KEB 2024 jadi 'batu loncatan' elak ketinggalan

KEB 2024 jadi 'batu loncatan' elak ketinggalan

Wadah terbaik rombak pembangunan sosioekonomi secara menyeluruh



Putrajaya: Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) selama tiga hari bermula hari ini akan menjadi 'batu loncatan' kepada Bumiputera untuk berkembang maju dan tidak ketinggalan dalam kepesatan ekonomi dunia serta teknologi semasa.

Hasil perancangan minda dalam KEB 2024 itu nanti diharapkan membawa satu resolusi agar martabat ekonomi Bumiputera diangkat seiring dengan semangat Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat, sekali gus memulakan semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat Malaysia.

Penganturan KEB 2024 oleh Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dilihat tepat pada waktunya ketika perubahan landskap ekonomi dan arus teknologi yang pantas, agar golongan Bumiputera terus diperkasa menerusi hala tuju dan dasar jelas serta pendekatan baharu.

Menyadari fakta bahawa golongan Bumiputera masih berjuang merapatkan jurang kemiskinan, pendapatan, pekerjaan dan pengangguran, maka anjakan amat diperlukan.

Justeru, KEB 2024 adalah wadah terbaik yang menghimpunkan 3,000 peserta, termasuk wakil dari Dewan Perniagaan Melayu, Kadazan, Dusun, Iban dan Dayak serta wakil masyarakat Orang Asli dalam merombak pembangunan sosioekonomi Bumiputera secara menyeluruh dengan harapan satu agenda baharu memperkasakan Bumiputera dapat direncanakan untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Meskipun KEB 2024 tertumpu kepada Bumiputera, kerajaan mengharapkan penganjuran yang bersifat lebih inklusif dengan kerjasama dan sokongan masyarakat Cina dan India bagi membantu menangani masalah kemiskinan.

Ini adalah pendekatan baharu yang dilakukan Kerajaan

an MADANI agar isu ekonomi dilangka secara bersama merentas etnik dan kaum.

Di Malaysia, populasi Bumiputera adalah 21.33 juta orang kebanyakannya di Terengganu, Kelantan, Perlis, Sabah, Pahang, Kedah dan Sarawak.

Dalam aspek jurang kemiskinan, ramai Bumiputera pada masa ini berada di negeri yang mempunyai pertumbuhan rendah, berpendapatan isi rumah kasar yang rendah dan kemiskinan yang tinggi.

Contohnya di Kelantan, kadar peratusan Bumiputera di negeri itu adalah 96.6 peratus, manakala pertumbuhan purata Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah pada 3.7 peratus antara 2016-2022 dan penengah pendapatan kasar isi rumah ialah RM3,614 iaitu paling rendah antara negeri lain.

Jurang pendapatan melebar

Dari aspek peratusan Bumiputera B40 dan ke bawah serta miskin mutlak pula adalah tinggi iaitu 85.2 peratus berbanding etnik utama yang lain, Cina (3.9 peratus) dan India (9.4 peratus).

Dari aspek jurang pendapatan pula, pendapatan isi rumah kasar penengah Bumiputera kekal lebih rendah sejak 1970 berbanding Cina dan India dan jurang pendapatan juga semakin melebar.

Contohnya pada 2022, pendapatan isi rumah kasar penengah Bumiputera adalah RM5,793, manakala Cina (RM8,167) dan India (RM6,627), manakala nisbah perbandingan gaji purata antara Cina dan Bumiputera adalah 1:0.71, manakala Cina dan India (1:0.84).

Dalam aspek pekerjaan pula, tenaga kerja Bumiputera juga umumnya cenderung bekerja di sektor berpendapatan rendah seperti pertanian, perikanan, perhutanan, pertukangan dan pekerja asas.

Sebahagian besar tenaga kerja Bumiputera adalah separuh mahir dan berkemahiran rendah iaitu pada 62.3 peratus dan 8.7 peratus, manakala hanya 29.1 peratus dari tenaga kerja Bumiputera

adalah pekerja mahir. Selain itu, graduan Bumiputera yang masih menganggur berdasarkan definisi Kajian Jejak 2022 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah yang tertinggi iaitu 70.9 peratus dari jumlah graduan yang masih menganggur iaitu 187,000 orang.

Langkah perkasakan TVET

Antara isu yang menjadi tumpuan dalam KEB 2024 adalah langkah pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan fokus antaranya meningkatkan tenaga kerja profesional dan kompeten Bumiputera berasaskan TVET, meningkatkan pembabit Bumiputera dalam kerjaya berkemahiran dan berpendapatan tinggi serta merencanakan pembangunan teknosahawanan Bumiputera.

Dalam usaha memajukan ekonomi Bumiputera, penekanan turut diberikan pada teknologi baharu seperti digitalisasi dalam sektor pertanian, penggunaan teknologi tenaga boleh baharu dan mekanisme pengurangan karbon.

Melalui penerapan teknologi itu, ekonomi Bumiputera dapat diperkasa dengan memanfaatkan sumber tanah secara berkesan, memperluas akses ke pasaran global dan membangunkan rantaian nilai yang efisien.

Dalam merapatkan jurang dan mengurangkan ketidaksamaan sosioekonomi Bumiputera di Sabah dan Sarawak, pembangunan harus giat dilaksanakan dan ini selaras dengan aspirasi 'Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat' dalam meningkatkan kemampuan masyarakat dan mewujudkan pembangunan bandar dan luar bandar yang lebih seimbang.

KEB 2024 memberi tumpuan kepada 10 kumpulan meliputi 10 sektor iaitu Reformasi Pendidikan dan Modal Insan; Institusi Pendidikan Teknikal, Pendidikan dan Latihan Vokasional (Pilihan Kerjaya Utama) dan Pemantapan Industri Bandar dan Pemerkasaan Masyarakat Orang Asli.

Tumpuan lain termasuk Penciptaan Kekayaan dan Penguasaan Korporat; Daya Saing Perusahaan Bumiputera; Penguasaan Teknologi Baharu; FELDA dan Tanah Wilayah Persekutuan; Sosioekonomi Bumiputera Sabah dan Sosioekonomi Bumiputera Sarawak.



Persiapan Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 di PICC, semalau. (Foto Saifulizan Tamadi/BH)

MASA	PERKARA	TEMPAT
9.10 pagi	Ucapan YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah	Foyer
9.40 pagi	Kedudukan Semasa Sosioekonomi Bumiputera; Satu Penelitian YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi	Dewan Plenary
10.10 pagi	Reformasi Pendidikan dan Modal Insan YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia	Dewan Plenary
11.10 pagi	Daya Saing Perusahaan Bumiputera YBhg. Datuk Dr. Hafshah binti Hashim Mantan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia)	Dewan Putra B
12.10 - 1.10 tengah hari	FELDA dan Tanah Wilayah YBhg. Dato' Seri Ahmad Shabery bin Cheek Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Dewan Plenary
2.30 petang	TVET Pilihan Kerjaya Utama YBhg. Dato' Hj. Shamsuddin bin Hj. Amran Ketua Operasi Kumpulan Bermaz Auto Bhd.	Dewan Putra B
4.00 petang	Pembangunan Desa YBhg. Datuk Seri Dr. Sr. Hj. Md Alwi bin Che Ahmad Mantan ADUN Kok Lanas, Kelantan	Dewan Plenary
5.00 petang	Sosioekonomi Bumiputera Sabah YBhg. Prof. Madya Datuk Ts. Dr. Ramzah bin Dambul Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Pembangunan Sabah	Dewan Putra B
5.30 petang	Diskusikan Diskusi MADANI 1: Aspirasi Perpaduan Memperkuatkan Agenda Bumiputera Panel: 1. YB Dato' Seri Johari bin Abdul Ghani Menteri Perdagangan dan Komoditi 2. YB Liew Chin Tong Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri 3. YB Dato' Ramazan Ramakrishnan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Moderator: Encik Sherkawi bin Jirim, BERNAMA	Dewan Plenary
6.00 petang	Pembangunan Industri Halal YBhg. Datuk Wira Dr. Haji Ameer bin Ali Mydin Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad	Dewan Plenary
6.30 petang	Penguasaan Teknologi Baharu YBhg. Prof. Emerita Tan Sri Dato' Seri Dr. Mazlan binti Othman Mantan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara	Dewan Putra B
7.00 petang	Tamat Program Hari Pertama	